

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN AGUNG PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA DI PULAU PINANG PADA 9HB MAC, 1974

Dr Lim Chong Eu,¹ Pemangku Presiden Gerakan, Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi Gerakan, Y.B. Menteri-menteri dan Saudara-saudara perwakilan sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Dr Lim Chong Eu dan Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi Gerakan kerana sudi menjemput saya merasmikan Persidangan Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia pada hari ini.

Saya merasa sungguh terharu dan gembira di atas penghormatan tinggi yang saudara-saudara sekalian berikan kepada saya pagi ini. Selama saya memasuki arena politik dan sehingga menjadi Perdana Menteri, inilah kali pertama sebuah parti politik di luar Perikatan pernah menjemput saya hadir dalam mesyuaratnya dan merasmikan pembukaannya.

Oleh yang demikian, peristiwa hari ini amat besar maknanya bagi diri saya, tambahan pula tidak lama dahulu, Gerakan adalah "political opponent" Perikatan yang kuat di Pulau Pinang. Tetapi, syukurlah kita Gerakan telah bersetuju mengadakan Kerajaan Campuran di Pulau Pinang dan seterusnya bekerjasama dengan Parti Perikatan. Sekarang Gerakan dan Perikatan bersama-sama duduk dalam Barisan Nasional atau National Front.

Sebelum persidangan ini, saya diberitahu berbagai seminar dan meeting telah diadakan oleh Parti Gerakan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada ahli-ahli "rank-and-file" berkenaan dasar, kegiatan, strateji parti dan program Kerajaan Campuran Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat berlandaskan dasar dan matalamat Barisan Nasional. Dalam pada itu, sebagaimana seringkali saya ingatkan pemimpin-pemimpin parti saya sendiri, amatlah mustahak para pemimpin Gerakan di semua peringkat tahu akan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta memberi semangat dan faham pula kepada ahli-ahli tentang persediaan-persediaan kita bagi menghadapi pilihanraya akan datang. Saya

¹ Ketua Menteri, Pulau Pinang.

yakin dan percaya ini telahpun dibuat oleh Dr Lim dan rakan-rakannya.

Saudara-saudara sekalian.

Saya katakan tadi peristiwa hari ini mempunyai kaitan penting khususnya dalam hubungan saya dengan Dr Lim. Jika ada mereka yang tidak tahu, saya sudah lama kenal dengan Dr Lim. Dia dahulu seorang Ketua Perikatan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang kita jalankan sekarang ini, ia bersama menolong saya membuatnya tahun 1956 dulu. Ketika itu kami kawan baik, lepas itu bermusuh sebentar dan sekarang kembali berkawan baik! Ini berlaku kerana Dr Lim ialah seorang yang pragmatic—he is a practical leader. He changes his stand or shifts, if you like, because he wants to be abreast with time and to meet changing political situation. A pragmatic leader must have many options open to him to choose from and act consistently as occasions demand.

Begitulah juga dengan sebuah parti politik yang dinamis. Ia mesti sentiasa bergerak dan mengikut keadaan. Mana-mana parti politik yang enggan berbuat demikian akan ketinggalan masa dan tidak akan menjadi kuat. My party, UMNO, always responds to changes and that is the real secret of its strength—it is always flexible and its leaders are never dogmatic. One thing we can pride ourselves is that UMNO leaders are almost always pragmatic. Ini ialah kerana kita sedar yang Malaysia ini adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang kebudayaan dan berbilang ugama. Kalau semua parti dalam Malaysia mempunyai falsafah serupa dengan UMNO, saya yakin keharmonian kaum dalam negara kita akan terjamin buat selama-lamanya.

Kita sedar ada parti-parti yang tidak dapat menerima hakikat Malaysia ini multi-racial dan kerana itu dasarnya ialah memperjuangkan chauvinism—menggunakan bahasa dan kebudayaan untuk membangkitkan perasaan perkauman. Kita harus ingat kalau semua parti berbuat demikian—Melayu membakar semangat Melayu dan Cina menggunakan soal bahasa dan kebudayaan untuk membangkitkan semangat perkauman Cina—apakah akan jadi kepada keamanan dan harmoni dalam negara kita.

Mujurlah kita hari ini telah dapat memberi jawapan kita kepada parti-parti perkauman ini dengan dasar-dasar kita, konsep Barisan Nasional Kerajaan Campuran dan Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini telah mengumpul slogan-slogan perkauman mereka—we have cut the ground from under their feet.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang saya sering tegaskan, tiga perkara yang paling utama dan mustahak sekali yang harus kita titikberatkan ialah: Pertama, perpaduan dan persefahaman antara rakyat berbilang kaum dalam Malaysia. Kedua, kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang berlandaskan kepada perancangan dan tindakan—programme and action oriented; dan ketiga, perpaduan dan persefahaman di kalangan ahli-ahli parti di semua peringkat yang bergabung dalam Barisan Nasional.

The integration of various races into a united; strong and happy Malaysian nation is our most important national objective and we all must work towards its achievement. This is our sacred task and if we fail here, the whole future of this nation will be imperilled.

Di satu pihak, parti-parti dalam Barisan Nasional seperti UMNO dan PAS, boleh menyatu-padukan orang-orang Melayu dan menggembelingkan tenaga mereka untuk meneruskan kerjasama yang sudah terjalin di antara rakyat berbagai bangsa di negara ini. Saya sungguh berharap parti-parti seperti Gerakan, PPP, MCA dan MIC dapat pula meyakinkan rakyat bukan Melayu bahawa masa hadapan negara ini dan masa hadapan mereka sendiri bergantung di atas kerjasama antara orang-orang Melayu dengan bukan Melayu khususnya, atau lebih tegas lagi, di atas wujud atau tidak wujudnya multi-racial co-operation and harmony.

Saya bersama Datuk Asri dapat memberi jaminan yang orang-orang Melayu akan terus bekerjasama dengan rakyat Malaysia dari lain keturunan dan terpulanglah kepada parti-parti seperti Gerakan dan MCA untuk mendapat sokongan dan menarik kepercayaan yang kuat dari orang-orang bukan Melayu kepada parti dan Kerajaan kita kerana adalah mustahak kita mempunyai sokongan dari sebahagian besar rakyat Malaysia daripada semua bangsa untuk menjayakan cita-cita negara dan menjamin keamanan dan kesetabilan serta kemajuan rakyat sekalian. Saya mengetahui sebahagian besar rakyat Malaysia adalah menyokong dasar Kerajaan dan sedia memberi kerjasama kepada Parti dan Kerajaan kita.

In short, your main task is to get the various races to rally around us so that our objective of establishing a just society and a happy and united nation will be achieved. It must therefore be your duty to ensure that the majority of the non-Malays support the Government and our Party.

Kita harus sedar bahawa Kerajaan selama ini telah memberikan khidmat yang baik kepada rakyat dan sentiasa berusaha untuk memenuhi hasrat dan cita-cita mereka. Oleh yang demikian, rakyat telah memberikan sokongan yang penuh kepada segala dasar dan rancangan Kerajaan yang bertujuan untuk kebaikan mereka sendiri. Sebagai contoh sokongan rakyat kepada dasar dan rancangan Kerajaan, baru-baru ini sebilangan besar pengganas komunis yang bersenjata di Sarawak yang selama ini menentang Kerajaan telah meletakkan senjata beramai-ramai dan menyatakan ikrar taat setia kepada Kerajaan untuk mencapai perpaduan dan kemajuan negara menerusi Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru.

Saya harap pengganas-pengganas Komunis yang masih berada di Malaysia akan mencontohi rakan-rakan seperjuangan mereka di Sarawak dan memahami iaitu keganasan yang mereka jalankan selama dua puluh enam tahun itu adalah sia-sia sahaja. Mereka tidak mendapat sokongan dari rakyat dan mereka tidak akan berjaya. Bahkan di bawah pentadbiran Kerajaan kita yang berdasarkan demokrasi, kemajuan dan perubahan yang rakyat kehendak telah tercapai dan jika keamanan dapat dipulihkan semula, Kerajaan dan rakyat akan dapat melipatgandakan usaha untuk membawa kemajuan yang lebih besar dan luas lagi. Dengan keadaan negara yang ada sekarang ini yang sedang meningkat maju dan dengan perkembangan politik yang sedang berlaku dan sokongan kuat dari rakyat, kedudukan mereka akan bertambah rumit dari masa ke masa. Oleh itu saya sungguh-sungguh berharap mereka akan meletakkan senjata dan memberhentikan keganasan mereka serta kembali semula ke pangkuan masyarakat supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai warga-negara di bawah Perlembagaan kita yang berdasarkan demokrasi itu.

Saudara-saudara sekalian.

Malaysia hari ini muncul ke depan sebagai satu-satunya negara di rantau ini yang menghadapi tahun dugaan atau *testing years ahead* dengan hati yang lebih yakin dan kuat. Kenyataan ini lahir dari keadaan yang nyata di dalam negeri iaitu keteguhan politik yang kita nikmati tahun demi tahun terutama sekali semenjak tertubuhnya Kerajaan Campuran. Kemakmuran hidup hasil dari kemajuan ekonomi yang pesat semenjak tahun lalu, kemajuan yang kita capai dalam bidang-bidang sosial dan kebudayaan, semuanya ini memperkuat persiapan kita menghadapi tahun-tahun ujian dengan penuh keyakinan.

Kita pasti dapat mengekalkan Kerajaan Campuran ini memerintah Malaysia beberapa tahun lagi jika semua parti dalam Barisan Nasional membuat sesuatu dan mengamalkan segala-galanya berasas kepada hasrat dan cita-cita Barisan Nasional dalam mana semua parti yang bergabung menambah dan membantu usaha satu sama lain—to supplement and complement each other—dan tidak bersaing mencari pengaruh terutama sekali antara Gerakan, MCA, PPP dan MIC. UMNO dan PAS telah dapat menyelaraskan kerja dan bersetuju tidak berlawan—compete against each other for Malay support. Saya harap parti-parti lain dalam Barisan Nasional juga dapat mengadakan persefahaman di atas hal ini supaya segala kegiatannya akan memperkuatkan parti kita—to supplement and complement each other and not to tear each other apart. Oleh itu amatlah mustahak semua pemimpin parti yang berkenaan benar-benar memahami konsep Barisan Nasional ini dan berganding bahu antara satu dengan lain bagi melaksanakan cita-cita berkhidmat demi kepentingan dan kebahagiaan rakyat. Dengan adanya persetujuan antara parti-parti dalam Barisan Nasional untuk bekerjasama, marilah kita lupakan yang sudah-sudah dan menumpukan perhatian ke arah masa hadapan. Let us forget the past and look towards the future.

The real test of strength of any party in the National Front lies in the support and respect that it gets from the people and this will only be known in the next general elections. We should not, therefore, rest on our past laurels but prepare ourselves to face the challenges of the future. Since our support comes from the people, we must clearly demonstrate to them that we are serving their interests with all sincerity and devotion.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah seringkali tegaskan iaitu tugas parti-parti dalam Barisan Nasional ialah mereka mesti benar-benar faham akan rasional Dasar Ekonomi Baru terutama tentang pelaksanaannya di peringkat negeri masing-masing dan juga di peringkat kebangsaan. Matalamat kita yang penting ialah menggambarkan Kerajaan yang cekap dan adil dan mendapat kepercayaan penuh rakyat samada mengenai urusan dalam ataupun luar negeri. Dasar ini hendaklah dipertahankan setiap masa. Jika ada kelemahan pun ini hanyalah pada aspek pelaksanaan atau implementation. Saya ulangi lagi seruan supaya rakyat bersama-sama memerhatikan

agar kerja-kerja Kerajaan berjalan dengan lancar dan mengawasi sekiranya ada penyelewengan dalam pelaksanaan dan tidak hanya akan menyalahkan Kerajaan di atas perbuatan individual.

Kita harus juga memberi rakyat gambaran yang objective dan pragmatic dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Kita tidak harus takut menjalankan dasar-dasar yang bijak, baik di bidang ekonomi atau politik dan saya yakin rakyat Malaysia yang patriotik boleh menghakimkan sendiri pihak yang benar.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi perkara yang mustahak bagi kita ialah menyusun jentera parti masing-masing dan melatih kader-kader parti serta membekalkan mereka dengan pengetahuan yang sempurna untuk membolehkan mereka menjalankan kerja dengan cekap dan berkesan. Perpaduan dalam parti bukan sahaja mesti wujud tetapi perpaduan itu mestilah teguh, kuat dan bulat. Di samping itu kegiatan parti haruslah berjalan setiap masa seolah-olah pilihanraya umum akan berlangsung esok.

Kita patutlah juga ingat iaitu parti-parti lawan—baik DAP, Parti Rakyat atau Pekemas—akan menggunakan issue-issue inflasi, kemiskinan dan faham perkauman yang sempit dan sungguhpun kebanyakan daripadanya telah dapat kita atasi atau sedang diatasi, mereka akan terus mempergunakannya untuk mendapat sokongan rakyat. Mereka akan membangkitkan seribu perkara untuk memikat hati dan mendapat sokongan rakyat untuk menentang Kerajaan. Saya yakin rakyat tidak akan terpedaya dengan dakyah-dakyah perkauman dan tipu helah politik parti-parti lawan itu.

Saya suka memberi amaran kepada parti-parti lawan supaya mereka berhati-hati dan jangan melampau batas dalam usaha mereka hendak memancing undi dalam pilihanraya akan datang. We have left the 13th May Tragedy far behind and our people of various races have learnt to realise that confrontation and suspicion among them will only bring chaos and trouble which will benefit no one. On the other hand, harmony and co-operation will enable everyone to benefit.

Saya suka menegaskan Kerajaan berazam akan berbuat sedaya upaya untuk menghindarkan berlakunya peristiwa yang tidak diingini akibat politik perkauman. We will pay any price for racial harmony and for peace in our country. Negara kita Malaysia

ini bukan homogeneous dan kerana itulah kita mesti berhati-hati dan teliti tentang segala perbuatan kita. Negara-negara yang homogeneous sekalipun mengalami kesulitan oleh kerana dasar yang tidak sesuai dengan kehendak masyarakatnya, apatah lagi negara yang berbilang kaum seperti Malaysia hendaklah bersikap tegas tetapi adil mengenai masalah perkauman. Kita bersyukur kepada Allah kerana dasar Kerajaan pada hari ini difahami dan mendapat sokongan penuh dari parti-parti yang mewakili berbagai kaum dan golongan dalam Barisan Nasional.

Saudara-saudara.

Persidangan hari ini membawa kita masuk ke peringkat yang lebih tinggi lagi—it marks the beginning of a new era in our political development. The May 13 incident was the watershed in our long journey towards political maturity and economic progress. It was as an aftermath of the May 13 tragedy that we were prepared to sit together to find ways and means to solve our national problems. We realised it would be of no benefit to anyone to be selfish and to think in terms of personal, factional or communal interests, because in the long run, this will only delay the gradual process of national integration to which we were committed when we achieved Independence seventeen years ago.

Saudara-saudara sekalian.

Parti Perikatan, khasnya UMNO, telah bergerak jauh ke depan dengan mewujudkan konsep politik campuran demi menjaga kepentingan bersama dan kepentingan negara. Saya harap dengan semangat inilah saudara-saudara akan cuba memahami sebab dan tujuan mengadakan Barisan Nasional itu. Tanpa pengertian dan kerjasama yang sempurna, sudah tentu hasrat dan cita-cita rakyat yang mengingini keamanan dan harmoni tidak akan tercapai—our people's expectations and all our coalition efforts will not be achieved. If this is not realised, there will be no hope for our country and our people. Therefore, this is a matter which affects our survival as a nation.

Setiap rakyat mestilah faham dan menghargai apa yang dilakukan oleh Kerajaan hari ini dan matalamat perjuangan kita. Malaysia adalah negara yang berbilang bangsa dan hingga sekian lama rakyatnya terbahagi serta terpisah menurut keadaan hidup dan kegiatan ekonomi mereka—segregated according to their economic

functions. Dalam context menghadapi masalah inilah kita mengadakan Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan hendak membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan memberikan rakyat dari semua kaum tempat yang saksama dalam masyarakat. Saya yakin kewajipan kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru sebagai tugas yang penting dan sekiranya kita dapat mengurangkan persaingan politik, kita akan dapat menumpukan segala usaha dan tenaga untuk mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru itu—if we reduce politicking, we will be able to concentrate greater efforts in achieving the objectives of the New Economic Policy.

Semenjak beberapa tahun ini kita melihat perkembangan ekonomi yang amat mengembirakan. Kita telah berjaya memperluaskan peluang ekonomi—enlarge the National Economic Cake—supaya setiap rakyat mendapat bahagian yang adil dan dapat menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna. Saya percaya kalau setiap orang sanggup tampil kemuka untuk merebut peluang yang terbuka kepada mereka di bawah Dasar Ekonomi Baru, sudah pasti tujuan dan matalamat kita akan tercapai dengan jayanya.

Saudara-saudara sekalian.

The task ahead is clear: that is our commitment to build a united, strong and happy Malaysia. We must, therefore, put all our efforts to realise this and let not history in a decade or twenty years hence judge us and blame us as being responsible for not building a united Malaysian nation when we all were in a position to do so.

We in the Alliance could have continued to govern the country without seeking the co-operation of other political parties. However, we are prepared to share our power and privilege with Gerakan, PPP and PAS as we consider this is in the long-term interests of our country and our people. This was the sole reason why the Alliance adopted this new approach and the concept of Coalition.

Saudara-saudara sekalian.

Berbalik semula kepada persidangan ini, saya sukacita bahawa Parti Gerakan yang hanya berumur lima tahun lebih kurang telah mencapai kemajuan yang begitu pesat dan pengaruhnya telah berkembang luas sebagai sebuah national political organisation.

It has consolidated its strength and forged ahead after the brief internal two years ago. Much of this success is certainly due to the far-sightedness and sense of devotion of its leadership—Dr Lim Chong Eu, Mr Chooi Cheng and others—who have made great personal sacrifice for the sake of the Party and the Nation.

Saya sungguh menghargai akan keikhlasan semua parti dalam Barisan Nasional untuk menjayakan cita-cita kita membentuk satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu padu. Marilah kita membaharui ikrar dan azam untuk bekerjasama dan berbakti kepada rakyat dan tanahair kita Malaysia dan bekerjasama dengan penuh dedikasi demi kejayaan Barisan Nasional ini. Saya yakin dan percaya usaha kita yang baik ini akan diberkati oleh Tuhan dan mendapat kejayaan sepenuhnya.

Dengan harapan inilah, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Mudah-mudahan Tuhan berkati usaha-usaha kita semua. May Allah bless us all.